



CARI ILMU...beberapa pelajar bergerak secara berkumpulan ke sekolah di Jakarta ketika pergaduhan menjadi sebahagian daripada realiti hidup dihadapi mereka.



SESAK...kesempitan hidup atau masalah kesesakan ruang akibat kepadatan penduduk turut menyumbang kepada kecenderungan pelajar memilih keganasan.

Pelajar resah pilih keganasan

METRO 9.1.2008 MS 8

Pergaduhan menjadi sebahagian daripada budaya anak muda di bandar utama dunia

D I kalangan pelajar dan guru Sekolah Tinggi (SMA) 6, peristiwa itu digelar 'Jumaat Berdarah' sempena hari ia berlaku.

Kira-kira sebulan sekali, berpuluh-puluh atau beratus-ratus pelajar keluar dari sekolah yang terletak di selatan Jakarta membawa rantai besi, buluh, kayu atau apa saja yang boleh dijadikan senjata.

Tidak jauh dari situ, satu lagi kumpulan pelajar, kali ini dari SMA 70 menunggu dengan wajah bengis.

Mereka tidak menunggu lama untuk melepaskan kemarahan terhadap kumpulan 'musuh' itu dengan menggunakan apa saja 'senjata' di tangan.

Serpihan kaca berserakan ketika dua kumpulan terlibat bertempur.

Pergaduhan pelajar di situ selalunya mencapai kemuncak ketika Ramadan kerana satu daripada sekolah berkenaan mengadakan sambutan



Pelajar Indonesia adalah komponen masyarakat kolektif yang hanya berani jika berkumpul"

> Fawzia Aswin Hadis
Pakar psikologi Universiti Indonesia

perayaan penting mereka.

Ketika umat Islam lain bersolat di masjid, pelajar dari SMA 6 dan SMA 70 menggunakan kesempatan itu untuk bergaduh.

Pada Ramadan lalu, kata Yuswa Reza, 17, empat pelajar parah dan seorang guru dipukul di kepala.

Yuswa, pelajar SMA 6 berkata, pergaduhan bermula apabila seorang daripada mana-mana pelajar sekolah itu masuk ke kawasan lawan sebagai 'umpan'.

Tindakan dianggap provokasi itu tidak mengambil masa lama untuk merebak menjadi perseteruan lebih meluas.

"Biasalah, mana-mana

pelajar sekolah yang dicabar pasti tidak berdiam diri.

"Tambah pula kami di SMA 6 terkenal dengan persaudaraan erat sesama pelajar," katanya.

Apabila pergaduhan terdeteksi, keadaan tidak terkawal sehinggakan polis yang dipanggil terpaksa melepaskan tembakan ke udara untuk menyuraikan pelajar.

Keganasan di kalangan pelajar menengah sebenarnya bukan saja berlaku di Indonesia.

Di Thailand, pergaduhan seperti itu selalunya membabitkan pelajar kolej vokasional yang kebanyakannya menempatkan



TUMPUAN
...institusi pendidikan sepatutnya melahirkan generasi muda berperibadi mulia, bukan menyemai sikap negatif.

anak muda daripada keluarga kurang berkemampuan atau kelas pertengahan.

Kini, kira-kira 15 juta pelajar menuntut di pelbagai kolej vokasional di Thailand.

Pergaduhan di antara kumpulan pelajar di Bangkok pada 1975 antara kejadian terburuk berlaku di negara itu.

Timbalan Pengarah Jabatan Perlindungan Remaja di Kementerian Kehakiman, Tawatchai Thaikeaw, berkata tradisi ikatan persaudaraan rakyat Thailand yang semakin longgar menyebabkan pergaduhan di Bangkok itu cepat merebak ke bandar lain.

"Remaja mencari ikatan persaudaraan baru di luar institusi keluarga," katanya.

Di Filipina pula, keadaan sama mendorong kumpulan pelajar mencari penyelesaian terhadap masalah mereka melalui kekerasan.

Malah, bukan sekali dua ia menyebabkan kematian.

Kes berprofil tinggi terbaru berlaku Ogos tahun lalu,

membabitkan penuntut Universiti Filipina, Cris Antony Mendez.

Mayatnya yang cedera dihumban di sebuah hospital.

Kejadian itu menaikkan kemarahan orang ramai terhadap keselamatan di kalangan pelajar di Filipina.

Di bandar raya Mandaue, kira-kira 20 kes tembakan membabitkan persaingan kumpulan pelajar direkodkan sepanjang lapan bulan, mulai Januari tahun lalu.

Kebanyakan mereka terbabit dalam kumpulan haram itu untuk mencari perlindungan, atau sekadar menyertai mana-mana kelompok yang bersesuaian dengan latar belakang etnik atau wilayah masing-masing.

Pakar psikologi Universiti Indonesia, Fawzia Aswin Hadis, berkata pergaduhan pelajar di Jakarta berkait dengan kepadatan penduduk, selain sifat mereka yang mempertahankan maruah serta kebersamaan.

"Di bandar raya besar, tiada ruang untuk anak muda menjalin hubungan dengan orang lain yang berbeza peringkat usia.

"Ketika lingkungan semakin mengecil, mereka mahukan kebebasan.

"Pelajar Indonesia adalah komponen masyarakat kolektif yang hanya berani jika berkumpul," katanya.

Isu itu juga kurang dipengaruhi taraf sosio ekonomi pelajar.

SMA 6 dan SMA 70, misalnya, bukanlah institusi pendidikan kelas bawahan.

Setiap tahun, ramai ibu bapa dilaporkan menyuap pentadbiran sekolah untuk membolehkan anak mereka diberi tempat di situ.

Naib Pengetua SMA 70, Tati Hayati, berkata mereka menerima permohonan yang meningkat setiap tahun.

"Sejak beberapa tahun lalu, ada beberapa pelajar SMA 70 maut akibat pergaduhan," katanya. - AFP